## PRIVATE & CONFIDENTIAL. NOT FOR CIRCULATION. FOR CTIM MEMBERS ONLY.



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA JABATAN OPERASI CUKAI MENARA HASIL, ARAS 12 PERSIARAN RIMBA PERMAI CYBER 8, 63000 CYBERJAYA SELANGOR

Telefon: 03-83138888 Faks: 03-83137853 : 03-83137854

: 03-83137855

Laman Web: http://www.hasil.gov.my

Pengarah Eksekutif
Chartered Tax Institute of N

Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) Unit B-13-1, Megan Avenue II No. 12 Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur

(u.p: En. Mohd Noor B. Abu Bakar)

Tuan,

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.AL.C.600-8/19/1

Tarikh : / Mei 2021

## PENGEMUKAAN BORANG NYATA DAN BAYARAN CUKAI KEPADA PEMBAYAR CUKAI YANG TERKESAN DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Saya dengan hormatnya merujuk surat tuan bertarikh 12 Mei 2021 berkaitan perkara di atas.

- 2. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengambil maklum berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh pihak Kerajaan telah memberi kesan kepada sebahagian pembayar cukai. Berikutan itu, pembayar cukai yang terkesan boleh memohon lanjutan masa seperti kelonggaran yang dinyatakan dalam surat LHDNM bertarikh 28 Oktober 2020 dan 1 Februari 2021. Kelulusan lanjutan masa akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes oleh Cawangan LHDNM.
- 3. LHDNM juga mengambil maklum berhubung cadangan pembayaran cukai pegangan dan permohonan rayuan (Borang Q) secara elektronik yang dinyatakan. Untuk makluman, kedua-dua cadangan tersebut telahpun berada di dalam perancangan LHDNM melalui inisiatif Transformasi Hasil yang sedang dibangunkan secara berperingkat dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2023. Pada ketika ini, hanya bayaran kontrak kepada kontraktor yang tidak bermastautin di bawah Seksyen 107A, Akta Cukai Pendapatan 1967 sahaja boleh dibayar secara elektronik melalui Portal ByrHASiL.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

[DATO' ADENAN BIN CHE SEMAIL]

Pengarah Jabatan Operasi Cukai

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia